

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan program Imunisasi Vaksin Kebangsaan bagi Parlimen Sungai Siput :-

- a) jumlah yang layak mendapatkan suntikan dan jumlah pendaftaran sehingga 31 Ogos 2021; dan
- b) jumlah yang telah divaksinasi sehingga Ogos 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Sungai Siput terletak di daerah Kuala Kangsar, Perak. Sehingga 29 September 2021, seramai 116,843 penduduk daerah Kuala Kangsar telah berdaftar di sistem MySejahtera bagi mendapatkan vaksin. Ini merupakan 92.8% daripada sasaran kira-kira 125,800 populasi dewasa berumur 18 tahun ke atas di daerah Kuala Kangsar.

b) Berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), setakat 29 September 2021, sebanyak 60.79% penduduk dewasa atau seramai 76,895 orang telah lengkap divaksinasi manakala sebanyak 83.1% atau seramai 104,570 orang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaskin.

Sekian, terima kasih.